



24 APR, 2025

Juara bertahan MIHL makin hampir pertahan gelaran



Kosmo, Malaysia

Juara bertahan MIHL makin hampir pertahan gelaran

Oleh **AIZATIE NAJMIN SULAIMAN**

JUARA bertahan Maybank terus menunjukkan taring dalam kempen Liga Hoki Dalam Dewan Malaysia (MIHL) 2025 apabila mencatat lima kemenangan berturut-turut sekali gus meletakkan mereka di puncak liga dengan 15 mata.

Skuad bimbingan Chairil Anwar A Aziz kini dalam landasan terbaik untuk layak ke separuh akhir dan mempertahankan kejuaraan yang dimenangi musim lalu, namun jurulath berpengalaman itu tetap menegaskan kepentingan untuk kekal fokus.

"Alhamdulillah, kita menang semua perlawanan setakat ini. Tapi, perjalanan masih belum selesai. Kami akan terus ikut pendekatan 'game-by-game', lihat semula kelemahan dan baiki satu demi satu," katanya.

Berbaki empat perlawanan, Maybank dijadual menentang pencabar utama, termasuk Pasukan Hoki Terengganu


(THT), Johor dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang bakal menjadi aksi tumpuan Sabtu ini.

"Sekarang, sasaran utama kita ialah layak ke separuh akhir dahulu. Bila sampai ke situ, barulah kita fokus ke final dan insyaAllah, pertahankan kejuaraan," tambah Chairil.

Saingan kedudukan tiga teratas semakin sengit apabila TNB dan THT masing-masing mengumpul 13 mata dan terus memberi tekanan kepada Maybank di tangga kedua dan ketiga liga.

Bagi Chairil, tekanan daripada pencabar bukan sesuatu yang baharu, malah menjadi motivasi tambahan buat skuadnya untuk terus bekerja keras di atas gelanggang.

"Biasanya selepas menang kejuaraan, cabaran untuk pertahan gelaran jauh lebih besar. Tapi itu yang kami sasarkan iaitu masuk final dan cuba jadi juara semula. Kami sudah bersedia dari segi mental dan fizikal," jelasnya.



MAYBANK berjaya mencatat rekod kemenangan bersih selepas lima perlawanan dalam saingan MIHL 2025. – FB MHC